# SEJARAH PERGERAKAN BARISAN BERSATU PARTI KOMUNIS MALAYA TAHUN 1940-60-AN

ABDUL AZIZ

ARKIB
fsm
IAC 898
M22 A 99013

# SEJARAH PERGERAKAN BARISAN BERSATU PARTI KOMUNIS MALAYA TAHUN 1940 - 60-AN

Oleh

ABDUL AZIZ BIN HAJI AWANG

SATU KAJIAN UNTUK MEMENUHI SYARAT PERNGKHUSUSAN SEJARAH HSM - 4I1/4I2 : DOKUMEN-DOKUMEN DALAM SEJARAH MALAYSIA BAGI PENGIJAZAHAN SARJANA MUDA SASTERA DALAM PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA.

SIDANG 1988/89

ISI KANDUNGAN:-


| | Muka surat |
|---|---|
| PENGHARGAAN | i |
| BAB I: | |
| LATAR BELAKANG | I - 3 |
| Strategi Barisan Bersatu | 3 - 6 |
| BAB 2: | |
| PERJUANGAN BARISAN BERSATU DI TAHUN I940 AN | 6 - II |
| Kegiatan di Masa Darurat di tahun I950-an | II - I7 |
| BAB 3: | |
| I960-AN: APAKAH TEKTIK YANG DIGUNAKAN? | I7 - 20 |
| KESIMPULAN DAN PENUTUP | 20 - 2I |
| NOTA KAKI | 22 - 26 |
| BIBLIOGRAFI | 27 |
| LAMPIRAN | |

PENGHARGAAN:

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr. Cheah Boon Kheng yang telah memberi banyak tunjuk ajar dan bimbingan kepada saya dalam menyiapkan tulisan ini. Tanpa tunjuk ajar dan bimbingan beliau tidak mungkin tulisan ini dapat disiapkan dengan sempurna.

BAB I

Latar Belakang

Parti Komunis Malaya ditubuhkan pada tahun 1930. Penubuhan Parti Komunis Malaya termasuk Singapura adalah sebagai bermulanya kegiatan berparti di Semenanjung Malaysia. PKM adalah dikuasai oleh kaum Cina. Ianya merupakan percantuman anasir-anasir anarkis yang mula muncul pada tahun-tahun 1920-an. Sebelum perang dunia kedua, PKM bukanlah merupakan tenaga utama dalam arena politik tempatan. Ianya aktif dalam gerakan-gerakan bawah tanah secara haram. Aktivitinya juga bergiat di sekolah-sekolah malam[1] sekolah-sekolah persendirian, pertubuhan-pertubuhan pekerja juga dikalangan belia. Aktiviti ini dikenali dengan kegiatan yang bukan bercorak Militan. Ahli-ahli PKM bergerak dengan cara menyusup masuk ke dalam pertubuhan yang sah seperti Parti Politik, pertubuhan belia dengan tujuan menyebar dan mempengaruhi ahli-ahli pertubuhan itu dengan idealogi komunis. Tujuannya adalah untuk menarik ahli-ahli pertubuhan tersebut supaya menceburkan diri serta menyertai kumpulan mereka. Pergerakan mereka bertopengkan di atas nama kegiatan-kegiatan pertubuhan yang diresapi itu. Matlamatnya supaya dapat menarik seberapa ramai ahli yang kemudiannya dapat menubuhkan satu kerajaan yang sah bersefahaman komunis.

Dalam tahun 1933, di atas arahan 'Far Eastern Bureau' PKM telah memulakan kegiatannya untuk menyusup masuk mempengaruhi buruh-buruh dan menyebarkan propaganda dakyah komunis di kalangan belia-belia. Dalam tahun-tahun 1936 dan 1937, terdapat banyak berlaku tunjuk perasaan anti kerajaan di kalangan buruh-buruh. Semasa perang dunia ke-2, PKM telah menghasut buruh-buruh supaya mogok menentang kerajaan.

...2/-